

## **MOTIF MARITIM DALAM PANTUN MELAYU**

**Liliy Salwani Bt Razali**

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Shaiful Bahri Md. Radzi**

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Corresponding Author's Email: Liliysrazali@yahoo.com*

*Article history:*

*Received : 1 Oktober 2022*

*Accepted : 10 November 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Karya-karya Melayu tradisional yang berbentuk puisi lisan cenderung menggambarkan motif maritim dalam penciptaan setiap genre. Kajian ini mengangkat masyarakat Melayu sebagai masyarakat maritim berdasarkan puisi lisan. Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan menggunakan instrument analisis seperti teknik bacaan rapi dan analisis kandungan. Data kajian melibatkan teks *Kurik Kundi Merah Saga* (2002) sebagai sumber yang utama. Selain itu, perincian unsur maritim dibina bagi mengenal pasti motif maritim dalam puisi lisan Melayu yang dikategorikan kepada tiga ciri iaitu bentuk muka bumi, fenomena alam dan pengangkutan di air. Berdasarkan unsur maritim yang diperincikan, hasil kajian mendapati bahawa warga Melayu sangat erat dengan dunia maritim. Hal ini dapat dilihat berdasarkan motif maritim dalam puisi lisan yang merakamkan pelbagai bentuk muka bumi persisiran; fenomena alam; dan pengangkutan air yang digunakan. Setiap motif maritim ini merupakan rakaman masyarakat ke atas alam dan aktiviti kehidupan mereka di persisiran laut di Nusantara. Laut membawa perubahan kepada kehidupan orang Melayu sehingga melahirkan empayar besar Melayu maritim seperti Srivijaya, Melaka, Aceh dan Johor-Riau khususnya menerusi aktiviti perdagangan maritim seperti yang terakam dalam puisi lisan. Sesungguhnya kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu adalah masyarakat maritim berdasarkan puisi lisan.

Kata kunci: Karya Melayu, motif maritim, pantun Melayu

## MARITIME MOTIF IN MALAY POETRY

### **ABSTRACT**

*Traditional Malay writings in the form of oral poetry tend to picture maritime model in each creation of genre. This study uphold Malay community as maritime community based on oral poetry. This is a qualitative study using the library research method by using analysis instrument such as close reading and content analysis. Study data includes Kurik Kundi Merah Saga (2002) as a primer source. Futhermore, Maritime element is built to identify the maritime motives that existed in Malay oral poetry categorised into three characteristics namely landforms, nature's phenomena and water transportations. Based on the maritime elements that have been built, the findings showed that the Malays have close relationship with the maritime world. This can be seen based on the maritime in the oral poetry that recorded various coastal landforms; nature's phenomena; and water transportations. Each maritime motives are the community's record toward the nature and their living activities in beach coast in Nusantara. The sea brings changes to the Malays' life and producing large Malays maritime empires such as Srivijaya, Melaka, Aceh and Johor-Riau especially through maritime trading activities as recorded in the oral poetry. This study definitely proves that the Malays are maritime community based on oral poetry.*

*Keyword : Traditional Malay writings, maritime model, oral poetry*

### **PENGENALAN**

Bangsa Melayu merupakan bangsa maritim. Transformasi dan evolusi dalam kehidupan masyarakat Melayu dimainkan oleh masyarakat yang menetap di sekitar pesisiran pantai atau lebih dikenali sebagai warga maritim (Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi 2012). Pada zaman protosejarah, muncul sebuah kehidupan maritim yang didasarkan kepada kelebihan entreport yang maju pada ketika itu. Kenyataan ini juga turut diakui oleh Ismail Hussien (1988). Beliau menegaskan bahawa suku yang dikatakan Melayu itu adalah merupakan masyarakat pesisir. Masyarakat pesisir yang mendiami kawasan perairan Nusantara ini boleh dianggap sebagai "warga maritim". Buktinya pembinaan kerajaan-kerajaan Melayu yang awal terletak di pesisir laut. Pemusatan aktiviti perdagangan yang dibawa oleh pelayar yang singgah di wilayah ini dengan aktiviti harian manusia yang tinggal di pesisir laut telah mewujudkan beberapa kerajaan Melayu awal yang rata-ratanya berpaksinya laut dan kelautan. Antaranya Inderapura, Singapura, Pattani, Langkasuka dan Sriwijaya (Shaiful Bahri Md. Radzi 2004).

Masyarakat Melayu dan alam maritim adalah saling melengkapi. Keintiman ini juga melahirkan unsur-unsur maritimnya ke dalam budaya lisan atau sastera rakyat mereka. Kelahiran pantun, peribahasa, mantera, teromba, talibun, seloka dan juga teka-teki yang mengandungi unsur-unsur maritim (Nordin Hussin 2011). Dalam konteks

pantun Melayu, penggunaan unsur-unsur maritim ini banyak didapati dalam rangkap pembayang berbanding rangkap maksudnya. Dalam sastera rakyat yang berbentuk puisi terutamanya pantun, penggunaan unsur-unsur maritim terserlah dalam setiap baris rangkap pembayangannya. Sebagai salah satu genre tradisi lisan yang dianggap kompleks, pantun merupakan manifestasi luahan rasa, sentuhan jiwa, pandangan hidup, serta lambang jati diri penuturnya (Shaiful Bahri Md. Radzi 2004).

## **LATAR BELAKANG**

Laut dan masyarakat Melayu berpisah tiada. Kebergantungan terhadap sumber ini menjadikan Alam Melayu di Nusantara ini terkenal pada mata dunia terutama bagi pelayar dan pedagang antarabangsa. Sejak abad pertama Masihi lagi telah wujud jalan laut yang biasa digunakan antara timur India dan Sri Lanka ke pelabuhan-pelabuhan di Nusantara (Ahmad Jelani Halimi 2006). Disusuli pula dengan lambakan hasil bumi, menjadikan alam Melayu sebagai sumber bekalan bahan mentah terutamanya melibatkan bekalan bijih timah, rempah ratus dan sebagainya. Atas faktor cuaca dan kedudukan pulau-pulau di Alam Melayu yang amat strategik dijadikan sebagai tempat berlindung dari tiupan angin monsun serta menambahkan lagi keunggulan alam nusantara ini. Kedudukan pulau-pulau dan pelabuhan kecil di sekitar pesisir pantai Melayu menjadikan alam Melayu sebagai sebuah pusat pelabuhan yang cukup terkenal. Pelaut Melayu ini merupakan golongan perantara yang menghubungkan pedagang-pedagang dari India di sebelah barat dengan pedagang-pedagang China di sebelah Timur (Ahmad Jelani 2006). Kehidupan masyarakat Melayu yang menumpukan kepada kehidupan laut dan pesisiran mula berkembang pesat pada selepas zaman logam (Adnan Jusoh et al. 2012). Perubahan daripada kebudayaan Neolitik kepada Gangsa dan Besi disebabkan oleh kemunculan perdagangan maritim di Selat Melaka di antara pedagang tempatan dan pedagang India, Vietnam dan pedagang dari kawasan lain di Asia Tenggara (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman 2001).

Kepesatan jalan perhubungan yang menghubungkan antara negeri, pelabuhan-pelabuhan utama, dan juga menghubungkan masyarakat pedalaman dengan masyarakat pesisir. Perhubungan ini didasarkan kepada strategi pertukaran barang, bekalan bahan mentah, persinggahan dan juga pembekal perkhidmatan yang ditawarkan di setiap pelabuhan-pelabuhan maritim ini (Ahmad Jelani Halimi 2006). Pelabuhan dan kerajaan maritim di sepanjang jalan laut tumbuh bak cendawan selepas hujan. Antaranya yang utama dan terkenal adalah Kerajaan maritim Sriwijaya, Kuntala, Langkasuka, Inderapura, Patani serta beberapa pelabuhan yang membekalkan bahan seperti pelabuhan Kedah Tua. Kerajaan Sriwijaya salah satunya sebuah kerajaan maritim yang amat gah pada masa itu. Tertubuhnya Kerajaan Sriwijaya pada abad ke Tujuh Masihi dan kejatuhan kerajaan ini pada abad ke 14 Masihi menjadikan ianya agak sukar dikenalpasti. Sriwijaya adalah antara pelabuhan entreport yang terulung di Selat Melaka pada abad Ketujuh sehingga abad ke-11 Masihi (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2002). Namun, sebelum Sriwijaya mencapai tahap kesibukan pelabuhannya, Jambi menjadi sudahpun mencapai taraf pelabuhan antarabangsa khususnya sebelum abad ke-11 Masihi. Pelabuhan Jambi atau kerajaan Melayu wujud di pinggir Selat Melaka dan kemungkinannya ia terletak di kuala Sungai Batang Hari. Bagi pelabuhan Kedah pula, ia pernah menjadi sebuah jajahan takluk bagi kerajaan Funan sekitar abad Kedua sehingga separuh kedua abad Keenam (Wales 1976). Namun, Kedah bangkit dari cengkaman Funan dan terus maju sebagai sebuah pelabuhan entreport pada akhir abad Keenam. Pada abad Ketujuh pula ia dikuasai oleh Sriwijaya tetapi bangkit semula

pada abad ke-11 setelah kerajaan Sriwijaya diserang oleh Raja Cola sekitar tahun 1025. Selain Kedah, Sriwijaya bandar pelabuhan yang tumbuh dari kebangkitan jalinan perdagangan laut ini adalah Samudra-Pasai, Melaka, Palembang, Aceh, Johor Riau, Ujung Salang dan juga pelabuhan-pelabuhan kecil yang lain.

## **SASTERA RAKYAT DAN PANTUN MELAYU**

Sastera rakyat adalah hasil sastera yang lahir dalam kalangan rakyat. Ianya menjadi hak milik masyarakat secara keseluruhannya. Sastera rakyat (*folk literature*) atau juga disebut sastera lisan lahir dalam budaya pratulis. Dalam budaya pratulis ini, terdapat dua bentuk sastera lisan iaitu sastera yang berbentuk cerita atau naratif dan juga hasil sastera yang berbentuk bukan naratif (Ismail Hamid 1987). Sastera rakyat berbentuk cerita termasuklah cerita-cerita rakyat, cerita penglipur lara, cerita teladan, cerita mitos, dan juga cerita lagenda mahupun kepahlawanan. Hasil sastera yang berbentuk bukan naratif pula disampaikan dalam bentuk puisi yang dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti jampi, mantera, pantun, peribahasa, bahasa berirama, teka-teki dan lain-lain (Ismail Hamid 1987). Namun begitu, medium penyampainnya adalah dalam bentuk lisan. Dalam konteks pantun Melayu, pemilihan dan juga penggunaan unsur-unsur dalam setiap ungkapannya adalah melibatkan kehidupan seharian masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu *primary* atau masyarakat budaya lisan, pantun digunakan sebagai suatu wahana bagi menyatakan luahan perasaan, rasa hati sama ada dalam kesedihan, kegembiraan, percintaan, kasih sayang dan sebagainya.

Pantun dicipta sebagai suatu pengucapan bagi menyampaikan buah fikiran dan perasaan mengenai sesuatu perkara, malahan turut digunakan juga untuk menyindir, berjenaka, memberi nasihat dan bersuka-suka (Wan Yusuf Hassan 1996). Malah, ia juga berupaya memainkan peranan sebagai suatu luahan ketidakpuasan hati rakyat kepada golongan pemerintah. Menurut pendapat Brandestetter dalam Harun Mat Piah (1997) perkataan pantun akarnya dari bahasa Sunda iaitu ‘tun’, dalam bahasa Pampangan ‘tuntun’, bahasa Jawa Kuno juga ‘tuntun’, ‘atuntun’ dan juga ‘matuntun’, bahasa Bisaya ‘panton’, bahasa Toba ‘pantun’ yang setiap satunya merujuk kepada makna yang pelbagai antaranya sebagai suatu peraturan, mendidik, teratur, memimpin, kesopanan dan sebagainya lagi (Harun Mat Piah 1997). Walau dikenali dengan pelbagai nama, pantun masih lagi mengekalkan fungsinya sebagai luahan jiwa anggota masyarakatnya dari pelbagai sudut. Pemakaian pantun dalam situasi kelisanan masyarakat lisan Melayu yang berbeza fungsinya juga adalah salah satu ciri masyarakat Melayu yang beradab dan sopan dalam hubungan komuniti. Salah satunya adalah bagi mengelak situasi tegang antara ahli masyarakat, mahupun antara pemerintah dengan rakyat. Dengan memahami pantun Melayu, secara tidak langsung dapat memahami hati budi masyarakat ini sejak dahulu. Sepertimana pandangan R. J Wilkinson dan R. O Winstedt (1975) untuk memahami peranan orang Melayu seharusnya difahami pantunnya.

Justeru, untuk lebih memahami bingkisan alam koleksi pengumpulan pantun lisan Melayu iaitu teks *Kurik Kundi Merah Saga* (2002) digunakan sebagai korpus kajian untuk mengetengahkan bingkisan alam maritim Melayu. Pemilihan teks ini bersesuaian untuk melihat bingkisan alam yang diabadikan oleh warga Melayu melalui puisi terawal dalam konteks komunikasi lisan mereka. Teks ini juga adalah lebih komprehensif berbanding teks-teks yang lain kerana ia menghimpunkan 5154 rangkap pantun lisan melayu yang mewakili dua belas buah negeri di Tanah Melayu. Teks tersebut juga merupakan rakaman secara lisan yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka terbanyak setakat ini. Ini bermakna, teks *Kurik Kundi Merah Saga*

merupakan teks yang relevan untuk kajian bagi mengenalpasti bingkisan maritim dalam pantun lisan Melayu secara keseluruhannya. Teks tersebut lebih komprehensif sebagai data kajian meliputi pantun terawal masyarakat Melayu yang diwujudkan ketika masyarakatnya masih lagi berkeadaan buta huruf dan hidup dalam situasi yang sederhana.

## **UNSUR MARITIM DALAM PANTUN MELAYU**

Tamadun Melayu berkembang dari tamadun lautnya. Dalam konteks tradisi lisan, unsur-unsur yang melibatkan alam kelautan ini seringkali dijadikan sebagai panduan, batasan dan juga sebagai suatu renungan kepada kelompok masyarakatnya. Dari hasil renungan yang tajam masyarakat terhadap sumber alamnya, melahirkan unsur-unsur maritim dalam setiap hasil karya khususnya pantun Melayu. Rakaman alam kelautan atau maritim ini sering dijadikan sebagai perlambangan, pembayang mahupun sebagai maksud dalam pantun lisan Melayu. Selari dengan pandangan Nordin Hussin (2011) bahawa kehidupan masyarakat Melayu terikat dan amat rapat dengan dunia maritimnya. Keterikatan ini melahirkan kepelbagaian unsur-unsur kelautannya. Dari penelitian pantun Melayu, penggunaan unsur maritim ini terbahagi kepada empat kategori iaitu dari segi pengangkutannya, bentuk muka bumi pinggir laut, kejadian alam atau fenomena alam yang sering berlaku bagi kawasan pinggir laut dan yang terakhir pula adalah dari segi penamaan nama-nama tempat. Keempat-empat unsur maritim ini akan dianalisis dan akan dilihat kerelevanannya dalam memperjelaskan sejarah kehidupan masyarakat pada suatu ketika dahulu.

## **PENGANGKUTAN DI AIR**

Pengangkutan merupakan suatu bentuk perhubungan yang menghubungkan antara sesuatu tempat dengan tempat yang lain. Pengangkutan dalam rencana ini adalah merujuk kepada pengangkutan air yang menjadi nadi perhubungan dalam masyarakat maritim. Dalam pantun lisan Melayu, terdapat pelbagai jenis pengangkutan air yang digunakan oleh masyarakat lisan sama ada dalam pembayang mahupun maksud pantun. Sebagai penduduk yang tinggal berdekatan dengan pantai, terdapat kecenderungan untuk memaparkan unsur pengangkutan air dalam pantun mereka (Lokman Abdul Samad 2006).

Pengangkutan air menjadi sebuah pengangkutan yang utama suatu ketika dahulu. Antara pengangkutan air yang terawal dalam masyarakat Melayu adalah sejenis jalur. Jalur merupakan sebatang kayu yang hanyut, dijadikan pengangkutan dengan cara mengapungkan di air dan didayung menggunakan tangan dan kaki. Pengetahuan menggunakan kapak, beliung, alat-alat pemotong membolehkan mereka membuat jalur (Ismail Ahmad 1999). Penggunaan pengangkutan air menjadi nadi penghubung bagi masyarakat pesisir dengan masyarakat pedalaman, yang menggunakan aliran sungai-sungai sebagai penghubung mereka. Dalam zaman Prasejarah lagi, penggunaan jenis pengangkutan air seperti jalur, sampan, mahupun perahu digunakan oleh masyarakat tradisi. Jumpaan ahli arkeologi terhadap kawasan zaman Prasejarah seperti di Guar Kepah dan juga Pulau Kalumpang antara kawasan masyarakatnya yang menumpukan kepada kehidupan maritim. Sebahagian masyarakat prasejarah mendiami kawasan pesisir seperti yang ditemui di Guar Kepah, Seberang Prai (Ahmad Hakimi Khairuddin 2008) dan di Seberang Perak (Adi Haji Taha 1987). Tapak Guar Kepah dan Seberang Perak dalam catatan Bellwood Peter (1985) pula dianggarkan telah didiami manusia

waktu paras lautnya hampir sama dengan paras laut pada hari ini iaitu sekitar 8000 tahun dahulu. Walaupun mereka mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, mereka juga menjalankan aktiviti perdagangan dan pembinaan perahu serta kapal sebagai pengangkutan utama. Masyarakat ini juga mula menjalankan aktiviti perdagangan dengan masyarakat pedalaman dan sungai memainkan peranan utama sebagai jalan perhubungan dengan kawasan pedalaman (Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman 2008). Justeru, dalam pantun Melayu unsur maritim yang berhubung dengan pengangkutan air banyak diterapkan. Antaranya:

Telur itik eram tak jadi,  
Baru dieram petang semalam,  
Tidak *kolek jalur* pun jadi,  
Asalkan boleh ke tempat dalam.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 215)*

Ada satu Panglima Raja,  
Duduk kerusi kepala meja,  
Tengah belayar taufan pun tiba,  
*Sampan* kecil mahu buat apa?

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 4)*

Jenis-jenis pengangkutan air bermula dengan jalur, sampan, perahu sehingga ke kapal atau jong terdapat dalam pantun Melayu. Asas pengangkutan air dapat dilihat dalam rekaan bentuk jalur yang dibuat dari sebatang kayu. Dari jalur masyarakat Melayu mula mencipta dan membuat pembaharuan terhadap alat pengangkutan mereka. Perahu lading diperbuat daripada sebatang kayu yang dikeruk atau ditebuk sebelah. Perahu ini dikenali juga dengan nama jalur (Ismail Ahmad 1999). Dari sebatang kayu ditimbal papan di kiri dan kanan birainya menjadi jongsong. Kemudian dengan penambahan timbal, gegading bagi menguatkan kedudukan pengangkutan ini dikenali sebagai sampan. Penambahan dua atau tiga keping papan kepada birai jalur. Untuk menentukan papan dapat ditimbal dengan sempurna, gading-gading atau kong disusun pada perut jalur. Di Pantai Timur jalur seperti ini dinamakan mat rian. Setiap pengangkutan di air dalam masyarakat Melayu mempunyai fungsi dan tujuannya yang tersendiri. Seperti sampan, ia selalunya digunakan di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja. Antaranya di laut-laut cetek, sungai-sungai, yang bertujuan sebagai mengangkut barang-barang disamping sebagai penghubung antara masyarakat dipedalaman dengan masyarakat pesisir. Seterusnya perahu, juga dikenali sebagai kolek turut dijadikan sebagai pengangkutan air dalam budaya Melayu.

Laju-laju *perahu* laju,  
Laju sampai ke Surabaya,  
Lupa kain lupakan baju,  
Tapi jangan lupakan saya.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 132)*

Fungsi perahu menjadi penting kerana ia menjadi penggerak untuk setiap aktiviti masyarakat khususnya pada zaman Prasejarah akhir (Adnan Jusoh et.al 2012). Ekoran

kedudukan Alam Melayu atau Kepulauan Melayu dikelilingi oleh laluan air seperti laut dan sungai-sungai menjadikan pengangkutan jenis air ini begitu popular pada masa dahulu. Adanya pulau-pulau kecil dan teluk serta kuala membantu dalam perjalanan sesebuah pengangkutan air dari yang kecil sehinggalah yang besar seperti jong dan kapal sebagai tempat persinggahan. Penemuan replika perahu di Kampung Sungai Lang Banting Selangor menunjukkan bahawa pengangkutan air bermula pada zaman Sebelum Masihi lagi. Pada tahun 1964 ahli-ahli kaji purba Muzium Negara dan Universiti Malaya telah menemui dua buah gong gangsa yang ditelungkupkan di atas sekeping papan kayu cengal (*balanocarpus heimi*) di Kampung Sungai Lang, Banting Selangor. Papan ini dipercayai sebuah perahu. Kepingan papan ini telah dikaji dan didapati tarikh wujudnya adalah disekitar tahun 200 Sebelum Masihi (Ismail Ahmad 1999).

Seterusnya bagi pengangkutan air jenis kapal atau jong, ia merupakan sebuah pengangkutan yang selalunya digunakan oleh pedagang-pedagang bagi memuatkan barang-barang dagangan. Kapal selalunya mempunyai geladak dan ruang bilik bagi kegunaan menyimpan barang dan tempat rehat anak-anak kapal. Tidak seperti kolek atau perahu yang selalunya digunakan untuk menangkap ikan di laut, kapal dalam budaya Melayu lebih bermaksud sebagai pengangkutan di air yang digunakan untuk mengangkut barang atau penumpang (Ismail Ahmad 1999).

Tinggi bukit Gunung Gelama,  
*Jong* berlabuh di Kuala Kedah,  
Adik pergi jangan lama,  
Baru ditinggal seminggu sudah.

(*Kurik Kundi Merah Saga* 2002: 221)

Pengangkutan jenis jong juga dijadikan sebalai perlambangan dan pembayang dalam rangkap pantun Melayu. dalam ungkapan pantun di atas, jong dikatakan berlabuh di Kuala Kedah kerana faktor bentuk muka buminya. Kota Kuala Kedah terletak di muara Sungai Kedah kira-kira sepuluh kilometer dari bandaraya Alor Setar. Setiap tembok binaan Kota Kuala Kedah yang terletak di tebing Sungai Kedah menghadap saluran-saluran maritim seperti Selat Melaka, sungai Pekan Kuala Kedah, kawasan Paya Kuala Kedah, perkampungan nelayan dan juga parit-parit yang dikenali sebagai Alor Sungai Melaka. Kedudukan Kuala Kedah yang menjadi sebuah tempat bersejarah dan tumpuan pedagang dirakamkan dalam pantun-pantun Melayu (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah 2013). Dalam tahun 1956, tongkang Cina dua atau tiga layar yang membawa arang bakau dari Thailand dan Burma singgah di Kuala Kedah kerana air sungai Kedah yang surut (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah 2013). Jong selalunya dikenali sebagai pengangkutan air yang berasal dari China. Demikian dalam Hanizah Haji Idris (2001) "*Junk, any various Chinese sailing vessel, used in the Far East for thousands of years*". Jong yang digunakan oleh pedagang Cina dalam memuatkan barang dagangan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat Melayu dalam proses penciptaan pantun Melayu.

Kewujudan unsur pengangkutan air dalam pantun lisan Melayu menunjukkan bahawa adanya kehidupan maritim. Proses penciptaan puisi lisan Melayu yang menggunakan segala bentuk kehidupan mereka yang digarapkan dalam rangkap-rangkap puisi menunjukkan suatu bentuk kreativiti yang dimiliki oleh masyarakat Melayu tradisi yang dikatakan melalui kehidupan primitif ini. Demikian menurut Harun

Mat Piah (1997) kreativiti menyerlahkan realiti dan realiti pula menghasilkan kreativiti. Suatu hasil kreativiti menggambarkan realiti alam dan manusia sedangkan dari realiti alam, pemikiran dan pengalaman menghasilkan kreativiti terutamanya dalam pantun Melayu.

## **BENTUK MUKA BUMI**

Bentuk muka bumi banyak mempengaruhi kehidupan dan juga aktiviti masyarakat dalam masyarakat Melayu tradisi. Kepelbagaian bentuk muka bumi seperti gunung-gunung, tanah tinggi, pinggir laut, banjaran-banjaran gunung, lembangan dan sebagainya. Dalam konteks bentuk muka bumi pinggir laut, melibatkan kejadian alam seperti pulau, laut, pantai, tanjung, kuala, teluk dan banyak lagi. Kewujudan bentuk muka bumi ini juga menjadi inspirasi bagi masyarakat Melayu dalam pembinaan pantun lisan Melayu. Setiap bentuk muka bumi ini adalah dihasilkan oleh proses geomorfologi pantai yang sentiasa berlaku dan tidak pernah berhenti pergerakannya. Antara bentuk muka bumi yang sering terdapat dalam pantun Melayu adalah kejadian teluk, tanjung, pantai dan lautnya.

Rotan rosak di hujung *tanjung*,  
Hanyut terletak di tepi *beting*,  
Bukan salah pesak penyambung,  
Kain tak cukup digunting.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 190)*

Bentuk muka bumi seperti tanjung dihasilkan oleh aktiviti hakisan ombak yang memukul batuan keras. Manakala, kawasan beting pula terjadi disebabkan oleh pengumpulan batu atau pasir yang dibawakan oleh tindakan ombak. Bentuk muka bumi yang lain seperti teluk, tanjung dan pantai juga turut digunakan oleh masyarakat Melayu dalam membina rangkap-rangkap pantunnya. Asal usul penciptaan pantun berkemungkinan dapat dikesan. Antaranya melalui nama-nama tempat yang dimuatkan dalam pantun. Seperti Tanjung Tuan, Tanjung Jati dan beberapa lagi lokasi yang mempunyai hubungan dengan alam maritim Melayu. Dalam konteks masyarakat Melayu sebagai masyarakat maritim, nama-nama tempat yang didapati daripada rangkap-rangkap pantun dapat menjelaskan asal penciptaannya. Menurut Harun Mat Piah (1989) melalui pendekatan tertentu mungkin dapat diagak dari mana pantun itu tercipta, sekurang-kurangnya dari sesebuah negeri atau daerah tertentu dalam negeri tersebut. Kriteria menentukan asal usul penciptaan pantun adalah melalui nama tempat yang dirujuk, nama-nama tokoh tertentu, melalui kata atau dialek, melalui pemilihan kata atau kosa kata tertentu, melalui kelainan rima berdasarkan dialek, melalui sarana seperti dikir, rodak, melalui pendekatan statistik, dan juga berdasarkan keterangan yang diberikan oleh pengumpul, penyelidik.

Lancang kuning belayar ke barat,  
Singgah berlabuh di Tanjung Jati,  
Putih kuning rambutnya lebat,  
Berasa berkenan di dalam hati.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 483)*



Besar perahu Tanjong Jati,  
Muatan sarat ubi keladi,  
Kalau tau diri tak mati,  
Penyakit tidak diubat lagi.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 49)*

Pantai Lukut luas terbentang,  
Teluknya penuh berbatu karang,  
Ibarat melukut di tepi gantang,  
Masuk tak penuh keluar tak kurang.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 168)*

Pantai, teluk, tanjung serta perahu adalah gambaran yang jelas akan kehidupan orang Melayu sebagai orang maritim. Harun Mat Piah (1989) mengatakan bahawa 'pantun dengan sendirinya menyerlahkan persekitaran masyarakat yang melahirkannya, ia menyatakan tentang latar alam dan latar budaya masyarakat yang mewakilinya'. Persekitaran alam Melayu yang kaya dengan lautan dan sumber rempahnya menjadi pilihan bagi para pedagang untuk memperolehi hasil hutan mereka dan memerdagangkannya kepada orang lain. Laluan sungai menjadi laluan utama dalam membawa hasil hutan yang jauh dari pedalaman menuju ke pelabuhan-pelabuhan untuk dipasarkan pada pedagang yang datang dari serata dunia. Bersandarkan pernyataan tersebut, puisi di atas jelas memperlihatkan bagaimana hidup masyarakat Melayu dengan alamnya terutama alam laut. Gambaran perahu yang datang dari Tanjong Jati, sarat bermuat ubi keladi serta keindahan pantai serta teluknya menjadi laluan bagi perahu, sampan. Situasi yang ditanggapi oleh masyarakat pada ketika itu dirakamkan dalam ungkapan lisan sebagai pembayang kepada maksud yang ingin disampaikan. Terbitnya situasi tersebut adalah merupakan antara kelangsungan hidup masyarakat Melayu sebagai masyarakat pedagang.

Nama-nama tempat yang digunakan adalah berdasarkan situasi maritim yang terdapat di sesuatu kawasan, negeri atau daerah. Antaranya Tanjong Jati di Indonesia yang terletak di pesisiran laut Indonesia, Tanjong Tuan di negeri Sembilan, merupakan sebuah daerah di Johor Bahru yang dibina dari sebuah perkampungan nelayan. Rumah Api Tanjong Tuan merupakan rumah api yang tertua di Malaysia. Rumah api ini dibina pada tahun 1819 oleh Kerajaan British. Dari puncak Tanjong Tuan akan kelihatan pusaran air yang ganas yang meneggelamkan beberapa kapal perang Belanda dan Portugis pada tahun 1605. Rumah api ini berfungsi untuk membantu kelasi, kapal-kapal dagang dan nelayan untuk singgah ke pelabuhan. Lokasi Tanjong Puteri pula berada di pesisir pantai Selat Melaka. Bagi nama-nama tempat yang menggunakan unsur maritim seperti bentuk muka buminya melambangkan masyarakat Melayu mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang kahidupan pesisiran pantai. Demikian pandangan Harun Mat Piah (1997) bahawa orang yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang laut dengan segala situasinya dan tidak mengetahui kehidupan sosial masyarakat yang melahirkannya, tidak akan mampu mentafsir dan menterjemah situasi-situasi tersebut dengan sebaik mungkin.

Orang mengail tepi teluk,  
Dapat seekor ikan tenggiri,

Jangan gegar jangan dijolok,  
Biar masak gugur sendiri.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 163)*

Orang mengail tepi pantai,  
Dapat seekor ikan todak,  
Sungguh halus sutera cindai,  
Kalau buruk terbang juga.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 163)*

Orang Melayu mempunyai perbendaharaan yang meluas untuk menyentuh tentang motif-motif laut ini. Seperti dalam rangkap pantun di atas, unsur-unsur bentuk muka bumi pesisiran pantai seperti pantai, pulau, laut, tanjung mahupun teluk dijadikan sebagai pembayang dalam menerangkan maksud pantun. Setiap jenis pembentukan bentuk muka bumi pesisiran ini dapat menjelaskan betapa air laut memainkan peranan yang utama dalam membentuk sesebuah kawasan. Dalam rangkap pertama yang menyebutkan bahawa ‘orang mengail tepi teluk, dapat seekor ikan tenggiri’ dan ‘orang mengail tepi pantai, dapat seekor ikan todak’ adalah merupakan gambaran tentang aktiviti sosio ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Dari kedua-dua rangkap pantun ini, membayangkan bentuk muka bumi seperti teluk dan pantai menjadi suatu keperluan bagi memenuhi kehendak ekonomi masyarakat Melayu. Dari segi geomorfologi juga, teluk terjadi disebabkan hakisan ombak memecah batuan lembut dan batuan keras secara berselang seli (Jamaluddin Md. Jahi 1989).

Pengalaman hidup memberikan makna yang mendalam kepada anggotanya. Pemerhatian dan pengalaman yang dilalui melahirkan seorang pemikir yang sarat dengan ilmu kehidupan dan memanifestasikannya dengan ilmu bahasa. Demikian menurut Harun Mat Piah (1997) bahawa, setiap ungkapan lahir dari seorang pemikir yang benar-benar mengetahui sesuatu perkara dan hubungannya dengan falsafah pemikiran manusia. Dan dalam hal ini ia berkaitan dengan kehidupan masyarakat pesisir iaitu masyarakat yang benar-benar memahami tentang kehidupan pesisir dan mengungkapkan unsur yang berkaitan maritim dalam rangkap puisi mereka. Dengan ini imej bentuk muka buminya cukup terserlah dalam setiap rangkap pantun Melayu.

## **UNSUR FENOMENA ALAM**

Fenomena alam seperti angin, ribut, ombak, gelombang menjadi suatu cabaran buat masyarakat Melayu maritim, khususnya bagi aktiviti pelayaran. Dalam konteks sastera Melayu, ombak, gelombang, badai adalah merupakan gambaran dugaan dan cabaran yang harus dilalui dan dihadapi oleh manusia dalam menghadapi kehidupan yang oenuh dengan liku-likunya. Kehidupan dilambangkan sebagai sebuah pelayaran yang bermula dari satu pelabuhan menuju ke satu pelabuhan yang lain (Zurinah Hassan 2010). Dari satu pelabuhan atau destinasi menuju ke satu destinasi, manusia akan menghadapi dugaan dan rintangannya.

Penggunaan unsur alam tentang fenomena alam tentang kehidupan maritim membayangkan betapa eratnya manusia Melayu dengan alam kelautannya. Sehingga segala bentuk fenomena dan kejadian alam digarapkan dengan penuh indah dan menarik dalam setiap rangkap pantun lisan Melayu. Dalam pantun lisan Melayu, gambaran yang berkaitan dengan fenomena alam sering dijadikan sebagai

iktibar dan semangat dalam mendidik masyarakat untuk mencapai kejayaan. Selain sebagai pendorong semangat untuk berjaya, unsur fenomena alam maritim juga digunakan oleh masyarakat Melayu bagi mengungkapkan perasaan, budi dan kasih sayang seseorang. Pantun memancarkan tema yang pelbagai dalam nadanya yang beragam. Kasih sayang, adat, hidup berdagang, budi menjadi sebahagian tema pantun, diungkapkan pula dengan nada yang pelbagai sepereti mesra, riang, sedih, pilu, hampa dan juga kecewa.

Anak raja bermain tombak,  
Kain dipakai labuh ke lantai,  
Tuah saya sepantun *ombak*,  
Malang di pantai pecah berderai.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 23)*

*Ombak* di laut meniti buih,  
*Ombak* datang dari seberang,  
Antara budi dengan kasih,  
Mana satu dikenang orang.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 155)*

Daripada beberapa rangkap pantun di atas, perkara utama yang digariskan adalah tentang fenomena alam kejadian ombak. Kejadian ombak selalunya berlaku di pesisir pantai. Merujuk kepada rangkap pantun pertama di atas menyerlahkan tentang rasa kesedihan yang dijelmakan dengan kejadian alam seperti ombak. Penggunaan simbol alam khususnya alam maritim seperti ‘tuah saya sepantun ombak, malang di pantai pecah berderai’ melambangkan tentang kesedihan hati seorang pemantun yang diibaratkan seperti ombak yang memecah pantai. Dalam puisi lisan Melayu, simbol alam itu menjadi amat penting untuk menggambarkan sesuatu mengenai keperibadian orang Melayu demikianlah juga dalam pantun (S. Othman Kelantan 1999).

Angin bertiup bercampur embun,  
*Ombak* memukul dengan taufan,  
Apa guna harta bertimbun,  
Sudah mati selesai kafan.

*(Kurik Kundi Merah Saga 2002: 27)*

Pantun Melayu berfungsi sebagai pemberi nasihat dan pengajaran kepada masyarakat amnya. Dalam pantun di atas, merakamkan suatu nasihat tentang hari kematian bagi orang Islam. Dari rangkap pembayang pantun menggunakan unsur-unsur alam maritim seperti fenomena alam ombak, angin bertiup, taufan yang seringkali terjadi di lautan dalam. Untuk menyamai rima akhir pantun, pembayang fenomena alam seperti taufan ini bersamaan dengan maksud pantun berhubung dengan ‘kafan’. Kedua-dua perumpamaan tersebut mempunyai kemiripan, ombak dayangnya bersama taufan, begitu juga dalam agama Islam, sesudah mati dikafankan.

*Air pasang* matahari masuk,

Banyak orang jual berangan,  
Jerat dipasang burung tak masuk,  
Burung biasa makan di tangan.

(*Kurik Kundi Merah Saga* 2002: 231)

Masyarakat Melayu juga kaya dengan adab sopan dan santunnya. Dalam pantun di atas, dikatakan bahawa air pasang matahari masuk, banyak orang jual berangan menunjukkan adanya aktiviti perdagangan yang berlangsung. Matahari masuk, ketika air pasang menunjukkan proses kejadian air pasang ketika di waktu petang. Pasang surut air adalah peristiwa bergerak naik turunnya permukaan air laut. Peristiwa ini cukup erat kaitannya dengan kawasan pesisir kerana hampasan gelombang yang dihasilkan oleh pasang surut air laut berakhir di kawasan pesisir. Dalam fenomena alam, air pasang adalah merupakan kejadian turun naik air laut akibat kesan putaran bumi dan daya tarikan graviti bulan (H. D Tjia 1987). Lazimnya ia berlaku di kawasan pinggir pantai dan juga muara sungai. Pemilihan unsur alam sekeliling mereka melambangkan keperibadian masyarakat Melayu yang kaya dengan budi bahasanya. Seajar dengan pandangan S. Othman Kelantan (1992) bahawa karakter pantun dengan segala kemudahan sebutan dan ringkas dalam penciptaan menggambarkan keperibadian orang Melayu yang baik hati dan sopan santun.

## **KESIMPULAN**

Pantun Melayu kaya dengan pelbagai keindahan. Keindahan yang sering melengkapi bait-bait kata dalam pantun adalah keindahan alam persekitarannya. Unsur-unsur dari persekitaran sering dijadikan sebagai guru atau panduan dalam mencanang setiap patah kata yang menarik dan indah sifatnya. Situasi ini bermaksud bahawa mereka mengambil setiap perkara yang dilihat, dirasai, dan juga dihadapi oleh mereka sebagai sesuatu peraturan atau *guide life* dalam meneruskan kehidupan mereka. Justeru, dalam rangkapan-rangkap pantun Melayu, dapat dilihat akan kepelbagaian unsur-unsur kehidupan persekitaran yang berteraskan alam maritim diserapkan sama ada sebagai pembayang mahupun sebagai maksud pantun. Unsur-unsur maritim dalam pantun adalah pelbagai antaranya adalah dari segi pengangkutan airnya, bentuk muka buminya, fenomena alam dan juga melalui nama-nama tempat yang diberi berdasarkan unsur maritim ini. Kedudukan alam Melayu yang diliputi oleh lautan menjadikan masyarakat Melayu mengasosiasikan segala aspek persekitaran mereka khususnya dalam pantun Melayu.

Kehidupan maritim masyarakat Melayu bermula sejak sekian lama dahulu. Dari jumpaan manik, timbunan kulit kerang, rangka perahu lama di sekitar pesisiran pantai serta tapak-tapak arkeologi lama membuktikan bahawa adanya kehidupan yang berteraskan laut atau maritim ini. Laut dan lembangan sungai yang luas menjadi suatu bentuk perhubungan utama pada ketika itu yang menghubungkan antara masyarakat pedalaman dengan para pedagang. Pantun Melayu yang lahir dalam situasi lisan, berkomunikasi dalam bentuk lisan menempatkannya dalam golongan puisi yang bernilai tinggi. Dengan pemilihan kosa kata yang hebat, pemikiran yang tinggi, maksud yang mendalam menjadikan pantun Melayu sebagai sebuah puisi lisan yang agung sifatnya. Unsur-unsur alam maritim yang dijadikan sama ada sebagai pembayang mahupun sebagai maksud dalam pantun menjelaskan betapa akrabnya hubungan masyarakat Melayu dengan persekitaran mereka. Motif pengangkutan seperti kapal, sampan, perahu, malahan jong, fenomena alam seperti ombak, ribut, asang surut air laut dan juga bentuk muka bumi seperti pantai, teluk, pulau menunjukkan kehidupan

masyarakat Melayu bersumberkan laut. Melalui puisi lisan khususnya pantun secara tidak langsung memancarkan *local genius* warganya.

## RUJUKAN

- Adi Haji Taha. 1987. Archaeology in Peninsular Malaysia: Past, Present and Future. *Journal of Southeast Asian Studies* Vol. 18 (2): 205-211.
- Adnan Jusoh. 2012. Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang: Sabah dan Kepentingannya dan Konteks Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25: 49-6.
- Ahmad Hakimi Khairuddin. 2008. Masyarakat Zaman Neolitik Di Malaysia Barat- Satu Catatan Ringkas. *Jurnal Arkeologi Malaysia* (22): 13-20.
- Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka: Abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwood, Peter. 1985. *Prehistoric of the Indo-Malaysian*. Sydney: Academic Press.
- H. D Tjia. 1987. *Geomorfologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. G. Quaritch Wales. 1967. *The Malay Peninsula in Hindu Times*. Michigan: The University of Michigan.
- Hanizah Idris. 2001. Isu Kemalangan Kapal dan Pencemaran Laut Di Selat Melaka: Satu Tinjauan. *Journal of Southeast Asian Studies (JATI)* Vol. 6: 119- 137.
- Harun Mat Piah. 1981. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1997. "Pantun Melayu Nusantara dan Brunei Darussalam Dari Segi Realiti dan Kreativiti". *Jurnal Pangsura*. Bil. 4. Jil. 3.
- Ismail Ahmad. 1999. *Pengangkutan Di Air Dalam Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1987. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Longman Malaysia.
- Ismail Hussein. 1988. *Antara Dunia Melayu Dengan Dunia Indonesia*. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Melayu.
- Jamaluddin Mohd Jahi. 1989. *Pengantar Geomorfologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurik Kundi Merah Saga*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Abdul Samad. 2006. Motif Dalam Pantun Sabah. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* (5): 66-91.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 2001. Loceng gangsa, Penchu, Muar, Johor, dalam konteks Zaman Gangsa Malaysia. *Jurnal Warisan Johor V*: 165-173.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2002. *Arkeologi Pra Islam Pesisir Selat Melaka Evolusi Atau Migrasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Hussin. 2011. *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2013. Kota Kuala Kedah. [www.kedahlib.gov.my](http://www.kedahlib.gov.my) (1 April 2013)
- S. Othman Kelantan. 1999. *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2005. Tradisi Lisan: Puisi. Dlm. Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md Radzi (pnyt.). *Persuratan Melayu Tradisional Ke Moden*, hlm. 37-56. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2004. "Warga Melayu Warga Maritim". *Dewan Budaya*. Bil. 06 Jil. 26.
- Wan Yusuf Hassan. 1996. "Pantun Melayu: Manifestasi Keceriaan dan Kepupusan". *Jurnal Perisa*. Bil. 4.
- Wilkinson. R. J & Winstedt. R. O. 1975. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Wolters O. W. 1967. *Origins of Srivijaya*. Ithaca: Cornell University.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2008. Perdagangan di Nusantara. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (penyt.). *Lembah Bujang: dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*. Hlm. 36-44, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2012. *Zaman Proto Sejarah Di Malaysia*. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.